



The SEACEN Centre Privacy Statement

This Privacy Statement sets out how The SEACEN Centre (SEACEN) collects, stores and handles personal information (as defined below) of individuals in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”) and the laws of Malaysia.

Please read this Privacy Statement to understand how SEACEN uses the personal information that may be collected from you. By providing your Personal Information to SEACEN, you are consenting to this Privacy Statement and the collection, use, access, transfer, storage and processing of your personal information as described in this Privacy Statement.

1. What This Privacy Statement Explains

This Privacy Statement explains:

- What kind of personal information SEACEN collects
- How SEACEN collects your personal information
- How SEACEN uses your personal information
- When SEACEN discloses your personal information
- When SEACEN transfers your personal information abroad
- Your right to access and correct your personal information

2. SEACEN’s Commitment To You

SEACEN values your trust and is committed to protecting your personal information. To ensure that you can make an informed decision and be confident about supplying your Personal Information to SEACEN when using any of SEACEN’s services, SEACEN provides you with this Privacy Statement outlining SEACEN’s practices and the choices you have concerning how your Personal Information is being collected and used by SEACEN.

3. Defining Personal Information

Personal information refers to any information which relates directly or indirectly to you. This includes any information that can be used to distinguish, identify or contact you. For the purposes of this Privacy Statement, personal information encompasses sensitive personal information which relates to information relating to your health, political opinions, religious beliefs, etc. For the avoidance of doubt, please note that this Privacy Statement is applicable only if you are a natural person / an individual.

4. What Kind Of Personal Information SEACEN Collects

In order for SEACEN to provide you with service and to operate in an efficient and effective manner by providing you with the best service possible, SEACEN needs to collect relevant personal information from you. The personal information collected by SEACEN may include (but is not limited to) the following:

- contact information such as your name, date of birth, identification supporting documents (including National Registration Identity Card or NRIC or passport number), gender, nationality and race, current private and/or business address, telephone or mobile phone number, fax number, email address;
- your credit card information and bank account details;
- the status of the services you have acquired from SEACEN or subscribed to;
- the equipment you use when accessing SEACEN's services (such as your mobile handset, your computer system and platform) to customize the service for you;
- your personal interests and preferences to help SEACEN tailor offerings of services which would suit you best;
- clickstream data when you visit any of SEACEN's website (for example the pages you access and the services you browsed); and
- recording of your image via CCTV cameras when you visit SEACEN's premises.

5. When And How SEACEN Collects Your Personal Information?

SEACEN may collect personal information from you when you:

- communicate with SEACEN (for example when you submit an application form to attend a learning program, or when you apply for a vacancy);
- register for a specific learning program/service or SEACEN's publications (for example, research publication);
- participate in SEACEN surveys;
- register interest and/or request for information of (through SEACEN's online portal or other available channels) or subscribe to SEACEN's services;
- respond to any marketing materials SEACEN sends out;
- commence a business relationship with SEACEN (for example, as a service provider);
- visit the SEACEN's office;
- visit or browse SEACEN's website
- lodge a complaint with SEACEN; and
- provide feedback to SEACEN (for example via SEACEN's website or in hard copy).

Other than personal information obtained from you (as mentioned above), SEACEN may also obtain your personal information from third parties which SEACEN deals with or are connected with you (credit reference agencies or financial institutions), and from such other sources where you have given your consent for the disclosure of information relating to you, and/or where otherwise lawfully permitted.

6. How SEACEN Uses Your Personal Information

SEACEN may collect and use personal information from you or from third parties identified in this Privacy Statement, for one or more of the following purposes:

- to verify your identity;
- to assess and process your application(s) /request(s) for SEACEN's services;
- to provide you with the publication and/or services you have requested;
- to administer and manage the publications and/or services that SEACEN provides you with (including charging, billing, and facilitating payments);
- to investigate and resolve any service issues, billing queries, complaints or other enquiries that you submit to SEACEN regarding SEACEN's publications and services;
- to detect and prevent fraudulent activity;
- to keep in contact with you and provide you with any information you have requested for;
- to engage in transactions in respect of publications and/or services to be offered and provided to you;
- to process any communications you send to SEACEN (for example, answering any queries and dealing with any complaints and feedbacks);
- to manage staff training;
- to notify you about benefits and changes to the features of SEACEN's publications and/or services;
- to produce data, reports and statistics which shall be anonymized or aggregated in a manner that does not identify you as an individual;
- to investigate, respond to, or defend claims made against, or involving SEACEN;
- to maintain records required for security, claims or other legal purposes;
- to comply with legal and regulatory requirements; and
- for any other purposes that is required or permitted by any law, regulations, guidelines and/or relevant regulatory authorities

7. Disclosure of Your Personal Information

As a part of providing you with SEACEN's services and the management and/or operation of the same, SEACEN may be required or need to disclose information about you to the following third parties:

- law enforcement agencies;
- government agencies;
- companies and/or organizations that may act as SEACEN's agents, contractors, service providers and/or professional advisers;
- companies and/or organizations that may assist SEACEN in processing and/or otherwise fulfilling transactions and providing you with services that you have requested or subscribed to;
- SEACEN's business associates and other parties for purposes that are related to collecting and using your personal information; and
- other parties in respect of whom you have given your express or implied consent subject at all times to any laws (including regulations, guidelines and/or obligations) applicable to SEACEN.

8. What If Personal Information Provided By You Is Incomplete?

Where indicated (for example in registration/application forms), it is obligatory to provide your personal information to SEACEN to enable the processing of your application for SEACEN's services. Should you decline to provide such obligatory personal information, SEACEN may not be able to process your application or provide you with SEACEN's services.

9. Your Rights To Access And Correct Your Personal Information

SEACEN can assist you to access and correct your personal information held by SEACEN.

Where you wish to have access to your personal information in SEACEN's possession, or where you are of the opinion that such personal information held by SEACEN is inaccurate, incomplete, misleading or where relevant, not up-to-date, you may make a request to SEACEN in writing by contacting the Data Privacy Officer via the contact details provided in this document. You should quote your name, address and phone number and provide brief details of the information you want a copy of in any such request. SEACEN will use reasonable efforts to comply with your request to access or correct your personal information within 7 working days of receiving your request.

Please note that SEACEN may have to withhold access to your personal information in certain situations, for example when SEACEN is unable to confirm your identity or in the event SEACEN receives repeated requests for the same information. Nevertheless, SEACEN will notify you of the reasons for not being able to accede to your request.

10. Your Obligations

You are responsible for providing accurate and complete information to SEACEN about yourself and any other person whose personal information you provide SEACEN and for updating this personal information in writing as and when it becomes incorrect or out-of-date by contacting the Data Privacy Officer via the contact details provided in this document. This obligation is a condition to the provision of SEACEN's services to you and/or any other person authorized or permitted by you or your organization/company to use the services.

In the event you may need to provide SEACEN with personal information relating to third parties (for example about your spouse or children or where you are the designated person in charge (from an organization or company) for dealing with SEACEN, if you are acquiring and are responsible for a service that they will use), you confirm that you have (i) obtained their consent or otherwise entitled to provide their personal information to SEACEN and for SEACEN to use accordingly, and (ii) informed them to read this Privacy Statement at SEACEN's website at www.seacen.org .

11. Online Dealings With SEACEN

Cookies

SEACEN collects information about your use of SEACEN's portal from cookies. Cookies are packets of information stored in your computer which assist your website navigation by customizing site information tailored to your needs. Cookies in themselves do not identify the individual user, just the computer used. You are not obliged to accept cookies. If you are concerned, you can set your computer either to accept all cookies, to notify you when a cookie is issued, or not to receive cookies at any time. However, rejection of cookies may affect your use of SEACEN Portal as SEACEN will be unable to personalize aspects of your use of the Portal.

Links to Third Party Websites

Please be informed that this Privacy Statement applies solely to SEACEN's website and does not apply to any third party websites you may access from SEACEN's website. To determine how they deal with your Personal Information, you should ensure that you read their respective privacy policies.

12. Transfer Of Your Personal Information Outside Malaysia

It may be necessary for SEACEN to transfer your personal information outside Malaysia if any of SEACEN's service providers or strategic partners ("overseas entities") who are involved in providing part of SEACEN's services are located in countries outside Malaysia. SEACEN shall take reasonable steps to ensure that any such overseas entities are contractually bound not to use your personal information for any reason other than to provide the services they are contracted by SEACEN to provide and to adequately safeguard your personal information.

13. Updates To SEACEN Privacy Statement

SEACEN may amend this Privacy Statement from time to time and the updated version shall apply and supersede any and all previous versions, including but not limited to, leaflets or hard copy versions. Please check SEACEN's website for information on the most up-to-date practices.

14. SEACEN Contact Details

Should you have any queries, concerns or complaints in relation to this Privacy Statement, kindly contact the Data Privacy Officer of SEACEN during office hours (between 8:00am to 4:30pm, Mondays to Fridays) :

| | |
|--------------|--|
| Name: | Ms. Zainon Zubir |
| Designation: | Data Privacy Officer |
| Telephone: | (603) 9195 1852 |
| Fax: | (603) 9195 1802 |
| E-mail: | zzainon@seacen.org |
| Address: | Level 5, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Malaysia |

The SEACEN Centre
30 October 2015



Penyataan Privasi The SEACEN Centre

Penyataan Privasi ini menjelaskan bagaimana The SEACEN Centre (SEACEN) mengumpul, menyimpan, dan mengendali maklumat peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) individu-individu selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”) dan undang-undang Malaysia.

Sila baca Penyataan Privasi ini untuk memahami bagaimana SEACEN menggunakan Maklumat Peribadi yang SEACEN mungkin kumpulkan daripada anda. Dengan memberi Maklumat Peribadi anda kepada SEACEN, anda bersetuju akan Penyataan Privasi ini dan pengumpulan, penggunaan, pengaksesan, pemindahan, penyimpanan dan pemprosesan maklumat peribadi anda seperti yang diterangkan dalam Penyataan Privasi ini.

1. Apa Yang Diterangkan Oleh Penyataan Privasi ini

Penyataan Privasi ini menerangkan:

- Apakah jenis maklumat peribadi yang SEACEN kumpulkan
- Bagaimana SEACEN mengumpul maklumat peribadi anda
- Bagaimana SEACEN menggunakan maklumat peribadi anda
- Bila SEACEN mendedahkan maklumat peribadi anda
- Bila SEACEN memindahkan maklumat peribadi anda ke luar negara
- Hak anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda

2. Komitmen SEACEN Kepada Anda

SEACEN menghargai kepercayaan anda dan SEACEN komited untuk melindungi maklumat peribadi anda. Untuk memastikan bahawa anda dapat membuat keputusan yang bermakna dan berasa yakin akan pembekalan maklumat peribadi anda kepada SEACEN apabila menggunakan perkhidmatan SEACEN, SEACEN telah menyediakan Penyataan Privasi ini untuk anda, yang menghuraikan amalan-amalan SEACEN dan pilihan anda mengenai cara-cara maklumat peribadi anda dikumpul dan digunakan oleh SEACEN.

3. Definisi Maklumat Peribadi

Maklumat peribadi merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung kepada anda. Ia merangkumi apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk membezakan, mengenal pasti atau menghubungi anda. Bagi tujuan Penyataan Privasi ini, maklumat peribadi merangkumi maklumat peribadi sensitif, iaitu maklumat yang berkaitan dengan kesihatan, pendapat politik, kepercayaan agama anda, dll. Untuk mengelakkan keraguan, sila maklum bahawa Penyataan Privasi ini terpakai hanya jika anda merupakan orang sebenar/seorang individu.

4. Apakah Jenis Maklumat Peribadi Yang SEACEN Kumpulkan

Untuk membolehkan SEACEN memberi anda perkhidmatan SEACEN dan untuk beroperasi secara cekap dan berkesan dengan menyediakan perkhidmatan yang terbaik mungkin kepada anda, SEACEN perlu mengumpul maklumat peribadi yang berkenaan daripada anda. Maklumat peribadi yang dikumpulkan oleh SEACEN mungkin merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) yang berikut:

- maklumat hubungan seperti nama, tarikh lahir, dokumen-dokumen sokongan identiti (termasuk KP atau nombor pasport), jantina, kewarganegaraan dan bangsa, alamat peribadi dan/atau perniagaan semasa, nombor telefon atau telefon bimbit, nombor faks, alamat emel;
- maklumat kad kredit dan butiran akaun bank;
- status perkhidmatan yang anda telah perolehi atau langgani dari SEACEN;
- peralatan yang anda gunakan apabila mengakses perkhidmatan SEACEN (contohnya telefon bimbit, sistem komputer dan platform anda) untuk menyesuaikan perkhidmatan tersebut untuk anda;
- minat dan kegemaran peribadi anda untuk membantu SEACEN melaraskan tawaran perkhidmatan SEACEN yang paling sesuai untuk anda;
- data pelayaran ("clickstream data") apabila anda melawat mana-mana laman web SEACEN (contohnya laman-laman yang anda akses dan perkhidmatan yang anda layari); dan
- rakaman imej anda melalui kamera-kamera CCTV apabila anda melawat premis SEACEN.

5. Bila dan Bagaimana SEACEN Mengumpul Maklumat Peribadi Anda?

SEACEN mungkin mengumpul maklumat peribadi daripada anda apabila anda:

- berkomunikasi dengan SEACEN (contohnya apabila anda serahkan borang permohonan untuk menghadiri program latihan SEACEN, atau apabila anda memohon jawatan kosong);
- mendaftar untuk program latihan/perkhidmatan atau penerbitan tertentu SEACEN;

- menyertai mana-mana kaji selidik SEACEN;
- mendaftar minat dan/atau memohon maklumat mengenai (melalui portal dalam talian atau saluran-saluran lain SEACEN) atau melanggan perkhidmatan SEACEN;
- menjawab apa-apa bahan pemasaran yang SEACEN hantar keluar;
- memulakan hubungan perniagaan dengan SEACEN (contohnya, sebagai pembekal perkhidmatan);
- mengunjungi pejabat SEACEN;
- melawat atau melayari laman-laman web SEACEN;
- membuat aduan kepada SEACEN; dan
- memberi maklum balas kepada SEACEN (contohnya melalui laman web SEACEN atau secara salinan bercetak).

Selain daripada maklumat peribadi yang diperolehi daripada anda (seperti yang dinyatakan di atas), SEACEN juga mungkin memperoleh maklumat peribadi anda daripada pihak-pihak ketiga yang berurusan dengan SEACEN atau yang berkaitan dengan anda (agensi rujukan kredit atau institusi kewangan), dan daripada mana-mana sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran kepada pendedahan maklumat berkaitan dengan anda, dan/atau di mana dibenarkan oleh undang-undang.

6. Bagaimana SEACEN Menggunakan Maklumat Peribadi Anda

SEACEN mungkin mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi daripada anda atau daripada pihak-pihak ketiga yang dinyatakan dalam Penyataan Privasi ini, untuk satu atau lebih tujuan-tujuan berikut:

- untuk mengesahkan identiti anda;
- untuk mempertimbangkan dan memproses permohonan/permintaan anda untuk perkhidmatan SEACEN;
- untuk menyediakan anda dengan penerbitan dan/atau perkhidmatan yang diminta oleh anda;
- untuk mengendali dan mengurus penerbitan-penerbitan dan/atau perkhidmatan – perkhidmatan yang SEACEN sediakan anda (termasuk pengenaan bayaran, pengebilan, dan kemudahan pembayaran);
- untuk menyiasat dan menyelesaikan apa-apa isu perkhidmatan, pertanyaan mengenai bil, aduan atau pertanyaan-pertanyaan lain yang anda beri kepada SEACEN berkenaan penerbitan dan perkhidmatan;
- untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan;
- untuk sentiasa berhubung dengan anda dan menyediakan anda dengan maklumat yang diminta;
- untuk memasuki transaksi berkenaan dengan penerbitan dan/atau perkhidmatan yang hendak ditawarkan dan disediakan kepada anda;

- untuk memproses komunikasi yang anda hantar kepada SEACEN (contohnya, menjawab pertanyaan dan menangani apa-apa aduan dan maklum balas);
- untuk menguruskan latihan kakitangan;
- untuk memaklumkan anda mengenai manfaat dan perubahan kepada ciri-ciri penerbitan-penerbitan dan/atau perkhidmatan-[er]khidmatan SEACEN;
- untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang akan dianonim atau diagregatkan dengan cara yang tidak mengenal pasti anda sebagai individu;
- untuk menyasat, membalas atau membela tuntutan yang dibuat terhadap atau melibatkan SEACEN;
- untuk menyenggara rekod-rekod yang diperlukan untuk tujuan keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang yang lain;
- untuk mematuhi keperluan undang-undang dan pengawalseliaan; dan
- untuk apa-apa tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh apa-apa undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak-pihak pengawalselia berkuasa yang berkenaan.

7. Pendedahan Maklumat Peribadi Anda

Sebagai sebahagian dari penyediaan perkhidmatan SEACEN dan pengurusan dan/atau operasinya, SEACEN mungkin diperlukan atau dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai anda kepada pihak-pihak ketiga yang berikut:

- agensi-agensi penguatkuasa undang-undang;
- agensi-agensi kerajaan;
- syarikat-syarikat dan/atau organisasi yang mungkin bertindak sebagai ejen, kontraktor, pembekal perkhidmatan dan/atau penasihat profesional SEACEN;
- syarikat-syarikat dan/atau organisasi yang mungkin membantu SEACEN memproses dan/atau sebaliknya memenuhi transaksi dan menyediakan anda dengan penerbitan dan/atau perkhidmatan yang anda telah pohon atau langgani;
- rakan niaga SEACEN dan pihak-pihak lain yang berkaitan dengan tujuan pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi anda; dan
- pihak-pihak lain di mana anda telah memberikan kebenaran nyata atau tersirat yang dibenarkan oleh apa-apa undang-undang, (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau pihak-pihak pengawalselia berkuasa) yang berkenaan dengan SEACEN.

8. Bagaimana Jika Maklumat Peribadi Yang Diberi Anda Tidak Lengkap?

Di mana dinyatakan (contohnya dalam borang pendaftaran/permohonan), anda diwajibkan memberi maklumat peribadi kepada SEACEN untuk membolehkan SEACEN memproses permohonan anda untuk penerbitan dan/atau perkhidmatan SEACEN. Jika anda enggan memberi maklumat peribadi yang diwajibkan tersebut, SEACEN mungkin

tidak dapat memproses permohonan anda atau menyediakan anda dengan penerbitan dan/atau perkhidmatan.

9. Hak Anda Untuk Mengakses Dan Membetulkan Maklumat Peribadi Anda

SEACEN boleh membantu anda untuk mengakses dan membetulkan maklumat peribadi anda yang dipegang oleh SEACEN.

Jika anda mahu mengakses maklumat peribadi anda yang dipegang oleh SEACEN, atau jika anda berpendapat bahawa maklumat peribadi anda yang dipegang oleh SEACEN tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau jika berkenaan, tidak terkini, anda boleh membuat permintaan kepada SEACEN secara bertulis dengan menghubungi Pegawai Data Privasi SEACEN melalui butiran cara menghubungi SEACEN yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Anda harus menyatakan nama, alamat dan nombor telefon dan nyatakan dengan ringkas maklumat berkenaan yang mana anda ingin meminta sesalinan. SEACEN akan menggunakan usaha yang berpatutan sewajarnya untuk memenuhi permintaan anda untuk mengakses atau membetulkan maklumat peribadi anda dalam masa 7 hari bekerja dari tarikh SEACEN menerima permintaan.

Sila maklum bahawa SEACEN mungkin perlu menahan akses kepada maklumat peribadi anda dalam keadaan tertentu, contohnya apabila kami tidak dapat memastikan identiti anda atau jika SEACEN menerima permintaan berulang untuk maklumat yang sama. Namun demikian, SEACEN akan memaklumkan anda akan sebab-sebab kenapa SEACEN tidak dapat memenuhi permintaan anda.

10. Kewajipan Anda

Anda bertanggungjawab memberikan maklumat yang tepat dan lengkap kepada SEACEN mengenai diri anda dan mengenai mana-mana individu di mana anda membekalkan maklumat peribadi mereka kepada SEACEN dan untuk mengemaskinikan maklumat peribadi tersebut jika dan apabila ia menjadi tidak betul atau tidak terkini dengan menghubungi secara bertulis Pegawai Privasi Data SEACEN melalui butiran untuk menghubungi SEACEN yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kewajipan ini merupakan syarat bagi penyediaan perbitan dan/atau perkhidmatan SEACEN kepada anda dan/atau individu-individu lain yang disahkan atau dibenarkan oleh anda atau organisasi/syarikat anda untuk menggunakan penerbitan dan/atau perkhidmatan tersebut.

Jika anda perlu memberi SEACEN maklumat peribadi berkaitan dengan pihak-pihak ketiga (contohnya mengenai suami atau isteri atau anak-anak anda, atau di mana anda merupakan orang yang dilantik (dalam syarikat atau organisasi) untuk berurusan dengan SEACEN, jika anda sedang memperolehi dan bertanggungjawab untuk perkhidmatan dan/atau penerbitan yang mereka akan gunakan), anda mengesahkan bahawa anda

telah (i) mendapatkan kebenaran mereka atau sebaliknya anda berhak memberi maklumat peribadi mereka kepada SEACEN dan untuk SEACEN menggunakan maklumat peribadi tersebut dengan sewajarnya, dan (ii) telah memberitahu mereka untuk membaca Penyataan Privasi ini di laman web SEACEN di www.seacen.org

11. Urusan Dalam Talian Dengan SEACEN

“Cookies”

SEACEN mengumpul maklumat mengenai penggunaan laman web SEACEN oleh anda dari “cookies”. “Cookies” adalah paket-paket maklumat yang disimpan dalam komputer anda yang membantu pelayaran laman web anda dengan menyesuaikan maklumat laman web kepada keperluan anda. Cookies dengan sendirinya tidak mengenal pasti pengguna individu, hanya komputer yang digunakan. Anda tidak diwajibkan menerima cookies. Jika anda mempunyai kerisauan, anda boleh tetapkan komputer anda untuk sama ada menerima semua cookies, memaklumkan anda bila sesuatu cookie di isu, atau langsung tidak menerima cookies pada apa jua masa. Namun demikian, penolakan cookies mungkin akan menjejaskan penggunaan laman web kami kerana kami tidak akan dapat memperibadikan aspek-aspek penggunaan laman web oleh anda.

Pautan Ke Laman Web Pihak-Pihak Ketiga

Sila maklum bahawa Penyataan Privasi ini hanya terpakai di laman-laman web SEACEN dan tidak terpakai kepada apa-apa laman web pihak-pihak ketiga yang anda mungkin akses dari laman-laman web SEACEN. Untuk menentukan bagaimana mereka mengendali maklumat peribadi anda, anda harus memastikan bahawa anda membaca polisi privasi mereka masing-masing.

12. Pemindahan Maklumat Peribadi Anda Ke Luar Negara

Ia mungkin perlu untuk SEACEN memindahkan maklumat peribadi anda ke luar Malaysia jika mana-mana pembekal perkhidmatan atau rakan niaga strategik SEACEN (“entiti luar negara”) yang terlibat dalam penyediaan sebahagian perkhidmatan berlokasi di negara-negara di luar Malaysia. SEACEN akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa mana-mana entiti luar negara tersebut diikat di bawah kontrak supaya tidak menggunakan maklumat peribadi anda untuk sebarang tujuan selain daripada penyediaan perkhidmatan kepada anda yang mereka dikontrakkan oleh SEACEN untuk menyediakan dan untuk melindungi dengan secukupnya maklumat peribadi anda.

13. Pengemaskinian Kepada Penyataan Privasi SEACEN

SEACEN mungkin akan meminda Penyataan Privasi ini dari masa ke semasa dan versi terkini akan digunapakai dan menggantikan sebarang dan semua versi terdahulu,

termasuk tetapi tidak terhad kepada versi di dalam risalah atau salinan bercetak. Sila semak laman web SEACEN untuk maklumat mengenai amalan-amalan paling terkini SEACEN.

14. Butir-butir Menghubungi Kami

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau aduan berkaitan dengan Penyataan Privasi ini, sila hubungi Pegawai Data Privasi SEACEN pada waktu pejabat (antara jam 8:00 pagi hingga 4:30 petang, pada hari Isnin hingga Jumaat):

| | |
|-----------|--|
| Nama: | Puan Zainon Zubir |
| Jawatan: | Pegawai Data Privasi |
| Telefon: | (603) 9195 1852 |
| No. Faks: | (603) 9195 1802 |
| E-mail: | zzainon@seacen.org |
| Alamat: | Level 5, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Malaysia |